



**SETIAUSAHA**  
*Secretary*  
**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**  
*Education Service Commission*  
**ARAS 3, BLOK B3**  
**KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI**  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**62526 PUTRAJAYA**


**SPP**

Telefon : 03-8871 7334  
03-8871 7333  
Fax : 03-8871 7497  
Web : <http://www.spp.gov.my>

Ruj. Kami : SPP.220/674/8 Jld.5 (1)

Tarikh : 17 Mei 2013

Puan Lok Yim Pheng  
Setiausaha Agung  
Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia  
13 & 15, Jalan Murai Dua  
Kompleks Batu, Off Jalan Ipoh  
**51100 KUALA LUMPUR**



Puan,

**TIDAK PUAS HATI DENGAN TARIKH LANTIKAN DG41 PJJ  
URUSAN PELANTIKAN PENGAJIAN 2009/2010/2011**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas bersama surat puan bil.(35) dlm.KPPK(IP)PP7/(11-14)/(1) bertarikh 4 Mei 2013.

2. Pihak Suruhanjaya mengambil maklum mengenai ketidakpuasan hati Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) yang menerima tarikh lantikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 pada 2 Januari 2013.

3. Untuk makluman puan, tarikh pelantikan PPPLD ke jawatan PPPS Gred DG41 pada 2 Januari 2013 tersebut adalah berasaskan kepada kelulusan Perbendaharaan Malaysia terhadap permohonan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia bagi menaik taraf sebanyak 7,819 jawatan PPPLD melalui Waran Perjawatan Bil.S41 Tahun 2013. Di samping itu, pihak Perbendaharaan Malaysia juga mewujudkan sebanyak 1,467 jawatan Khas Untuk Penyandang (KUP) PPPS Gred DG41 untuk Guru Besar dan Penolong-penolong Kanan berkaitan melalui Waran Perjawatan Bil.S40 Tahun 2013.

4. Kedua-dua Waran Perjawatan tersebut diluluskan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013. Suruhanjaya ini menetapkan tarikh lantikan bagi kesemua 9,286 penyandang jawatan PPPLD berkenaan dikuatkuasakan pada 2 Januari 2013 bagi maksud keseragaman kerana terdapat negeri-negeri yang bercuti umum pada 1 Januari 2013.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**( SULAIMAN BIN WAK )**  
*sulaiman@spp.gov.my*